

Ulasan Pengerusi



Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Akaun bagi Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002.

Prestasi Kewangan

Keadaan ekonomi negara beransur pulih pada tahun 2002 setelah mengalami pertumbuhan negatif dalam tempoh separuh kedua tahun 2001. Kecergasan pertumbuhan dalaman negara serta prestasi sektor korporat yang bertambah baik berjaya mengurangkan kesan negatif ke atas ekonomi negara. Ekonomi Malaysia telah mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi dalam lingkungan 4% pada tahun 2002.

Dalam tempoh yang sama juga, Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad (BHB) melalui subsidiarinya terus berusaha mengekalkan kedudukannya dari segi pengendalian kargo mahupun persinggahan kapal.

Secara keseluruhan pendapatan operasi pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002 menunjukkan penurunan sebanyak RM6.2 juta (2.22%) kepada RM273.33 juta. Penurunan ini disebabkan kurangnya jumlah singgahan kapal LNG, minyak mentah dan produk petroliam pada tahun 2002. Jumlah perbelanjaan pada tahun 2002 telah meningkat sebanyak RM10.42 juta (5.95%) kepada RM185.27 juta disebabkan peningkatan dalam perbelanjaan operasi. Dengan ini, keuntungan sebelum cukai telah menurun kepada 12.34% daripada RM117.98 juta dalam tahun 2001 kepada RM103.42 juta dalam tahun 2002. Prestasi ini masih baik berbanding dengan unjuran keuntungan selepas cukai bagi tahun 2002 sebanyak RM69.90 juta.

Dana pemegang saham adalah RM783.55 juta. Pendapatan sesaham adalah 18.34 sen dan Harta Ketara Bersih sesaham sebanyak RM1.92.

Dividen

Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen interim sebanyak 15 sen sesaham ditolak cukai pendapatan pada kadar 28% dan telah dibayar pada 15 Februari 2003.

Pengurusan Korporat

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan korporat yang efisien dan efektif dengan mengutamakan kebertanggungjawaban dan ketelusan korporat. Penyata Berkaitan Dengan Urustadbir Korporat boleh didapati di mukasurat 27-33 dalam Laporan Tahunan ini.

Status Penggunaan Perolehan Dari Tawaran Terbitan Awam

Pada tahun 2002, Syarikat telah menggunakan sebanyak RM92.16 juta daripada peruntukan Dana Tawaran Terbitan Awam bagi perolehan peralatan dan kelengkapan serta pembangunan syarikat. Lembaga Pengarah juga telah meluluskan tarikh penyiapan yang baru bagi melaksanakan perolehan tersebut. Status baki penggunaan perolehan dan tarikh lanjutan penyiapan adalah seperti di mukasurat 30 dalam Penyata Berkaitan Dengan Urustadbir Korporat pada Laporan Tahunan ini.

Ulasan Operasi

Dalam menghadapi tekanan dari situasi ekonomi global yang tidak menentu sepanjang tahun 2002 serta persaingan dari lain-lain pelabuhan serantau, Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad masih berupaya mencatat



peningkatan dari segi jumlah pengendalian kargo, kontena dan singgahan kapal. Bagi tahun 2002, Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad telah mengendalikan sebanyak 25.59 juta tan kargo, iaitu peningkatan sebanyak 1.52% berbanding dengan pencapaian tahun sebelumnya sebanyak 25.21 juta tan. Sebahagian besar kendalian kargo ini terdiri dari gas asli cecair dan produk petroleum. Sementara itu pengendalian kontena juga turut mencatat peningkatan sebanyak 57.4% iaitu dari 66,139 TEUs pada tahun 2001 kepada 104,081 TEUs kontena pada tahun 2002. Berdasarkan perkembangan positif ini, syarikat menjangka akan mengendalikan 128,000 TEUs bagi tahun 2003 dan 159,000 TEUs pada tahun berikutnya.

Perubahan paradigma corak pengangkutan dan logistik di kalangan komuniti pelabuhan tempatan dari kaedah konvensional kepada kontenarisasi dan kekerapan singgahan Operator Perkapalan Utama (MLO) dan perkhidmatan rangkaian kapal pesisir telah menyumbang kepada pertumbuhan ketara kendalian kontena di Pelabuhan Bintulu. Kini kontena pindah kapal mencatat peningkatan yang mendadak. Pada tahun 2002, kontena pindah kapal telah meningkat sebanyak 90% atau 68,476 TEUs berbanding dengan tahun sebelumnya sebanyak 36,034 TEUs.

Peningkatan ketara pengendalian kontena adalah hasil pemasaran berterusan yang dijalankan dalam usaha syarikat memajukan sektor pengendalian kontena dan meletakkan Pelabuhan Bintulu sebagai pusat pengendalian kontena bagi Kawasan BIMP-EAGA. Kumpulan ini yakin bahawa syarikat subsidiarinya yang bergiat cergas dalam sektor pelabuhan akan terus memainkan peranan penting dalam membantu menyumbang kepada keseluruhan prestasi Kumpulan.

Prospek Dan Masa Depan Kumpulan BHB

Pelabuhan Bintulu merupakan sebuah pelabuhan serbaguna laut dalam. Komoditi utama yang dikendalikan adalah kargo pukal cecair yang menyumbang lebih 80% dari jumlah kendalian kargo keseluruhannya. Trend ini dijangka berterusan pada masa akan datang. Perjanjian bekalan antara Malaysia LNG dengan Tokyo Electric Power Company Inc. dan Tokyo Gas Company Ltd untuk membekal sebanyak 7.4 juta tan gas asli cecair setahun bagi tempoh lima belas tahun lagi mulai tahun 2003 dan bermulanya eksport gas asli cecair dari logi MLNG Tiga

pada tahun 2003 akan meningkatkan lagi jumlah pengendalian kargo di Pelabuhan Bintulu. Ketiga-tiga logi MLNG, MLNG Dua dan MLNG Tiga, apabila beroperasi sepenuhnya mempunyai kapasiti pengeluaran sebanyak 23 juta tan setahun.

Di samping itu, pengendalian minyak sawit dijangka meningkat menjelang tahun 2005 apabila siapnya pembinaan Terminal minyak sawit khusus yang sedang diusahakan sekarang. Perkembangan ini adalah selaras dengan kepesatan pembangunan industri tersebut di Sarawak. Pembinaan ini merupakan sebahagian dari Pembangunan '2nd Inner Harbour' yang akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut keperluan yang dikenalpasti dari masa ke masa.

Penghargaan

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada pengurusan serta staf Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad atas inisiatif dan sumbangan mereka selama ini. Adalah diharapkan usaha tersebut dapat diteruskan dengan penuh dedikasi di samping mempertingkatkan tahap profesionalisme masing-masing. Ucapan terima kasih juga saya rakamkan kepada semua para pelanggan, pengguna pelabuhan, rakan perniagaan, bank-bank, dan badan-badan serta agensi Kerajaan berkaitan atas sokongan dan sumbangan di sepanjang tahun 2002.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan pengarah atas sumbangan mereka sepanjang tahun lalu serta para pemegang saham atas sokongan dan keyakinan anda kepada kami.

Sekian, terima kasih.

YBhg. Datuk Mohamed Adnan bin Ali
Pengerusi, Bintulu Port Holdings Berhad

Chairman's Review



On behalf of the Board of Directors, it is my pleasure to present the Annual Report and Statement of Accounts for Bintulu Port Holdings Berhad Group, for the financial year ending 31 December 2002.

Financial Performance

The country's economy has been recovering in the year 2002 after encountering negative growth in the second half of the year 2001. The active domestic growth and improvement of performance in the corporate sector succeeded in reducing negative impact on the country's economy. Malaysia's economy registered a higher growth ranging 4% in the year 2002.

At the same time, the Group through its subsidiary continued striving to position itself in terms of cargo handling as well as vessel calls.

The overall operational income for the financial year ending 31 December 2002 showed a reduction of RM6.2 million (2.22%) to RM273.33 million. This reduction was due to lesser vessel calls of LNG, crude oil and petroleum products. Total expenditure increased by RM10.42 million (5.95%) to RM185.25 million in 2002 due to the increase in operating expenditure. Thus, the profit before taxation has reduced to RM14.56 million (12.34%) from RM117.98 million in the year 2001 to RM103.42 million in the year 2002. This performance is still good compared to the profit after taxation as projected in 2002 which was RM69.90 million.

The Group's Shareholders' Funds stood at RM783.55 million. The Earnings Per Share is 18.34 sen. Net Tangible Asset stood at RM1.92 per share.

Dividend

The Board of Directors has declared an interim dividend of 15 sen per share less income tax at 28% and has been paid on 15th February 2003.

Corporate Governance

The Board of Directors is responsible to ensure efficient and effective corporate governance by giving priority to good accountability and transparency. The statement on corporate governance can be found on pages 34-40 in this Annual Report.

Status Of The Utilisation Of Proceeds From The Initial Public Offer

In year 2002, the Company has utilised RM92.16 million of the proceeds from the Initial Public Offer for the procurement of equipments, facilities and development of the Company. The Board of Directors has approved a new completion date to utilise the proceeds. The status of the remaining proceeds and extension of completion date is set out on page 37 of the Statement in Reference to Corporate Governance of the Annual Report.

Operational Review

Though pressured by the economic uncertainty throughout the year 2002 and competition from other ports in the region, Bintulu Port Holdings Berhad still managed to register an increase in total handling of cargoes, containers and vessel calls. For the year 2002, Bintulu Port Holdings Berhad handled 25.59 million tonnes of cargo, an increase of 1.52% as compared to the previous year's achievement of 25.21 million tones. Most of these throughputs consist of liquefied natural gas and petroleum products. Containers handled also registered an increase of 57.4% from 66,139 TEUs in the year 2001 to 104,081 TEUs containers in the year 2002. Based



on this positive development, the Company is expected to handle 128,000 TEUs and 159,000 TEUs for the year 2003 and 2004 respectively.

The Paradigm shift in transportation and logistic patterns among local port community from conventional method to containerisation and regular calling of Main Line Operator (MLO) and associated feeder services has contributed towards the substantial growth of containers handle at the port. Currently, transhipment containers has registered a drastic increased of 90% or 68,476 TEUs as compared to previous year's of 36,034 TEUs.

The substantial growth of containers handled resulted from the continuous marketing effort in developing containers sector and positioning Bintulu Port as a containers hub in BIMP-EAGA region. The Group is confident that its subsidiary being actively engaged in port services will continue to play a vital role in contributing to the overall performance of the Group.

Prospect Of The BHB Group And Future Outlook

Bintulu Port is a multi-purpose deep seaport. Its main commodity is liquid bulk cargo which contributes more than 80% of its total cargo throughput. This trend is expected to continue in the future. The agreement between Malaysia LNG with Tokyo Electric Power Company Inc. and Tokyo Gas Company Ltd. to supply 7.4 million tonnes of liquefied natural gas per annum for an additional period of fifteen (15) years beginning 2003 and the export of liquefied natural gas from MLNG Tiga plant in the same year will further increase the total cargo handled at Bintulu Port. MLNG, MLNG Dua and MLNG Tiga upon full operation will have a production capacity of 23 million tonnes per annum.

Besides that, the handling of palm oil is expected to increase by the year 2005 upon the completion of Palm Oil Terminal. This growth is in line with fast development of the said industry in Sarawak. This terminal is part of the proposed '2nd Inner Harbour' development and will be carried out in stages when the necessity arises from time to time.

Acknowledgement

On behalf of the Board of Directors, I would like to extend my gratitude to the management team and staff of the Group for their initiative and contributions. We look forward for their continuous initiative and dedication as well as enhancing thier professionalism. I would also like to thank all our valued customers, port users, business partners, bankers and the relevant government authorities for their support and contribution throughout the year 2002.

Finally, I extend my appreciation and gratitude to all my fellow Directors for their contributions and all the shareholders for your support and confidence in us.

Thank you.

YBhg. Datuk Mohamed Adnan bin Ali
Chairman, Bintulu Port Holdings Berhad

Kod Amalan

Polisi Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad adalah untuk melaksanakan amalan terbaik dan mendukung piawai integriti perniagaan yang tinggi dalam semua aktiviti yang dijalankan oleh Kumpulan. Ini termasuk komitmen untuk mematuhi semua keperluan yang ditetapkan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan mengekalkan urustadbir korporat yang baik dalam pengendalian aktiviti-aktiviti perniagaan Kumpulan.

Kod ini menetapkan prinsip-prinsip asas dan amalan terbaik berhubung struktur dan proses yang boleh diikuti oleh syarikat-syarikat dalam operasi masing-masing dalam usaha mencapai rangka urustadbir korporat yang baik. Dalam menyediakan laporan ini, Lembaga Pengarah telah mempertimbangkan cara dan telah berusaha untuk menggunakan pelbagai Prinsip Kod Amalan dan setakat mana ia telah mematuhi Kod Amalan Terbaik.

Para Pengarah

i. Komposisi Dan Keseimbangan Lembaga

Lembaga Pengarah terdiri dari enam (6) Pengarah, salah seorang menjadi Pengarah Urusan, tiga (3) Pengarah Bukan Bebas dan Bukan Eksekutif, dan bakinya Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (termasuk Pengerusi). Semenjak berkuatkuasa Kod Amalan, Lembaga Pengarah telah mengambil tindakan untuk mematuhi semua keperluan termasuk komposisi Lembaga Pengarah yang menghendaki satu pertiga daripadanya terdiri dari Pengarah Bebas serta membuat pengisytiharan, akuanji dan pengesahan untuk mematuhi syarat syarat penyenaraian tersebut.

Pengarah-pengarah sentiasa didedahkan kepada maklumat terkini mengenai peranan dan ekspektasi serta telah menjalani Program Akreditasi Mandatori (MAP) dan Program Pendidikan Berterusan (CEP) yang ditetapkan oleh BSKL. Pengarah juga diberi pendedahan kepada lain-lain program latihan dan seminar seperti mana yang dikenalpasti oleh Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad.

Untuk memastikan wujudnya keseimbangan, terdapat pemisahan tanggungjawab antara Pengerusi dan Pengarah Urusan dari segi kuasa dan autoriti. Y. Bhg. Datuk Mohamed Adnan bin Ali ialah Pengerusi, Lembaga Pengarah manakala Capt. Awangku Abdul Malit @ Awangku Malyx bin Pengiran Mahran bertindak sebagai Pengarah Urusan Kumpulan. Semua Pengarah dapat memperoleh maklumat tentang hal-hal yang dibentangkan kepada mereka, mempunyai peluang untuk mendapat penjelasan lanjut dan data, boleh mendapatkan nasihat pihak luar dan berhak meminta penzahiran sepenuhnya oleh pihak pengurusan atas perkara-perkara yang dibentangkan kepadanya untuk keputusan.

ii. Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah mengekalkan kawalan berkesan dan sepenuhnya atas urusan Syarikat dan Kumpulan. Ini termasuk tanggungjawab menentukan pembangunan dan arah tuju strategik kumpulan secara keseluruhan.

Lembaga Pengarah turut menugaskan tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Lembaga dan berperanan mengikut terma rujukan yang ditetapkan. Jawatankuasa Tetap Lembaga Pengarah terdiri dari Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Penamaan dan Jawatankuasa Ganjaran.

iii. Pembekalan Maklumat

Setiap ahli Lembaga menerima notis mesyuarat, agenda dan kertas kerja sebelum sesuatu Mesyuarat diadakan. Masa secukupnya diberi kepada Lembaga Pengarah untuk membolehkan mereka mendapat penjelasan sewajarnya, sekiranya diperlukan, agar mereka dapat menyertai mesyuarat dengan sebaiknya.

Garis panduan yang teratur diberi oleh Lembaga Pengarah mengenai isi kandungan, cara penyampaian dan pembentangan kertas kerja untuk setiap Mesyuarat Lembaga Pengarah supaya para pengarah mempunyai maklumat yang secukupnya. Para pengarah dapat berhubung terus dengan Setiausaha Syarikat Kumpulan bagi nasihat dan perkhidmatan. Setiausaha Syarikat Kumpulan juga bertanggungjawab memastikan prosedur Lembaga Pengarah dipatuhi.

iv. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Ahli Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak enam (6) kali pada tahun 2002 dan kebanyakan ahli Lembaga Pengarah telah menghadiri mesyuarat tersebut.

v. Persaraan Dan Pemilihan Semula Lembaga Pengarah

Pemilihan Pengarah diadakan setiap tahun dengan satu pertiga (1/3) daripadanya tertakluk kepada persaraan secara pusingan dan dikehendaki bersara dalam setiap Mesyuarat Agung Tahunan, selaras dengan Perenggan 7.28, Syarat-Syarat Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur. Persaraan dan perantukan semula Pengarah adalah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penamaan.

vi. Jawatankuasa Penamaan

Jawatankuasa Penamaan bertanggungjawab memperaku kepada Lembaga Pengarah mengenai calon-calon Pengarah untuk diisi oleh pemegang saham atau Lembaga Pengarah, urusan perantukan, kenaikan pangkat dan pembaharuan perkhidmatan Ketua Pegawai Eksekutif serta Pengurusan Kanan Kumpulan. Jawatankuasa Penamaan turut menasihatkan Lembaga Pengarah dalam hal-hal seperti perantukan jawatan, kenaikan pangkat dan perantukan baru bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan Kanan Kumpulan. Selain itu, Jawatankuasa meneliti kemahiran, pengalaman dan lain-lain kualiti termasuk kecekapan para Pengarah Bukan Eksekutif. Setiap tahun, Jawatankuasa juga bertanggungjawab menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, ahli Lembaga Pengarah dan sumbangan masing-masing. Jawatankuasa Penamaan telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali pada tahun 2002 dan hampir kesemua ahli menghadiri mesyuarat tersebut.

Ganjaran Pengarah

Syarikat menyediakan peruntukan untuk pembayaran balik bagi perbelanjaan yang munasabah ditanggung oleh Pengarah-Pengarah semasa melaksanakan tugas rasmi Syarikat. Para Pengarah tidak terlibat dalam hal menentukan pakej ganjaran mereka. Ganjaran Pengarah ditentukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran sebelum diterima oleh ahli-ahli dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Struktur yuran untuk Pengarah Bukan Eksekutif ditentukan dalam Mesyuarat Agung ahli-ahli berdasarkan perakuan yang dibuat oleh semua ahli Lembaga. Dalam menentukan perakuannya, Lembaga juga membuat perbandingan dengan amalan industri yang melibatkan organisasi yang hampir sama. Maklumat lanjut berkaitan ganjaran bagi setiap Pengarah untuk tahun 2002 disertakan di muka surat 32-33 dalam Laporan Tahunan ini.

Jawatankuasa Ganjaran

Jawatankuasa Ganjaran bertanggungjawab memperaku kepada Lembaga Pengarah ganjaran bagi Pengarah Eksekutif, menimbang ganjaran bagi kedua-dua Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif serta meneliti semua polisi Sumber Manusia termasuk terma dan syarat perkhidmatan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan Kanan Kumpulan. Jawatankuasa juga bertanggungjawab memastikan Pengarah Eksekutif tidak memainkan peranan dalam menentukan ganjaran mereka sendiri. Jawatankuasa Ganjaran telah bermesyuarat sebanyak dua (2) kali pada tahun 2002 dan hampir kesemua ahli menghadiri mesyuarat tersebut.

Mesyuarat Agung Tahunan

Mesyuarat Agung Tahunan merupakan forum utama bagi dialog dengan para pemegang saham. Notis Mesyuarat Agung Tahunan berserta dengan Laporan Tahunan diedarkan kepada para pemegang saham sekurang-kurangnya 21 hari sebelum mesyuarat diadakan.

Selain agenda biasa untuk Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga Pengarah membentangkan laporan mengenai kemajuan dan prestasi syarikat dalam Laporan Tahunan dan memberi peluang kepada para pemegang saham mengemukakan soalan-soalan berkaitan dengan aktiviti perniagaan Kumpulan. Para Pengarah bersedia memberi maklum balas ke atas soalan-soalan yang dibangkitkan oleh pemegang saham dalam mesyuarat ini.

Hubungan Dengan Pemegang Saham

Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad telah menjalin hubungan yang baik dengan pemegang saham, terutamanya Pemegang-Pemegang Saham Utama, termasuk Menteri Kewangan (Diperbadankan), Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) dan Kerajaan Negeri Sarawak (Setiausaha Kewangan Negeri). Pemegang-Pemegang Saham Utama mempunyai wakil yang menyandang jawatan sebagai ahli Lembaga Pengarah dalam Bintulu Port Holdings Berhad, kecuali wakil Setiausaha Kewangan Negeri, Sarawak yang akan dilantik dalam masa terdekat.

Kebertanggungjawaban Dan Audit

i. Laporan Kewangan

Para Pengarah bertanggungjawab memberikan penilaian yang wajar mengenai kedudukan dan prospek Kewangan Kumpulan melalui laporan suku tahun kepada Bursa Saham Kuala Lumpur dan Laporan Tahunan kepada para Pemegang Saham.

ii. Kawalan Dalaman

Para Pengarah sedar dan mengakui tanggungjawab mereka ke atas sistem kawalan dalaman Kumpulan yang tidak hanya meliputi aspek kewangan tetapi juga operasi, pengurusan risiko dan kawalan pematuhan. Kakitangan pengurusan utama diamanahkan tanggungjawab untuk memantau, mengurus dan menyediakan laporan kepada Lembaga Pengarah tentang pematuhan prosedur, keberkesanan kewangan dan aktiviti perniagaan Kumpulan.

Sila rujuk muka surat 41-42 pada Penyata Kawalan Dalaman.

iii. Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit terdiri daripada dua (2) orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan seorang (1) Pengarah Bukan Bebas dan Bukan Eksekutif. Pengerusi Jawatankuasa Audit ialah Y. Bhg. Datuk Mohamed Adnan bin Ali yang juga merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah dan ahli Institut Akauntan Malaysia. Jawatankuasa Audit bermesyuarat sebanyak tujuh (7) kali pada tahun 2002 dan kebanyakan ahlinya menghadiri mesyuarat tersebut.

Sila rujuk muka surat 20 pada Jawatankuasa Audit.

iv. Hubungan Dengan Juruaudit

Tanggungjawab Jawatankuasa Audit berhubung dengan juruaudit luar adalah dibentangkan pada muka surat 19-20. Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad senantiasa mengekalkan hubungan yang rapat dan telus dengan juruauditnya dalam mendapatkan nasihat profesional dan memastikan pematuhan kepada piawaian perakaunan di Malaysia.

Status Penggunaan Perolehan

Lembaga Pengarah telah meluluskan tempoh lanjutan bagi penyiapan projek yang menggunakan dana Terbitan Awam Awal (IPO). Setakat 31 Disember 2002, penggunaan dana Terbitan Awam Awal adalah seperti berikut:

Penggunaan	Penggunaan Sebenar				Jangkaan Tarikh Siap (Prospektus)	Tarikh Siap Baru yang Diluluskan
	Penggunaan yang diluluskan (RM'000)	Perubahan Sepanjang Tahun (RM'000)	Setakat 31.12.02 (RM'000)	Baki Penggunaan Perolehan (RM'000)		
Pembinaan kemudahan gudang						
• Gudang baja pukal	20,000	(252)	(252)	19,748	Mac 2003	Sept 2004
• Produk kayu-kayan	10,000	-	-	10,000	Dis 2002	Pertengahan tahun 2005
Peralatan tambahan / kemudahan untuk BICT						
• Mobile harbour cranes	16,000	(4,660)	(4,660)	11,340	Dis 2002	Mac 2003
• Rubber-tyred gantry cranes	12,000	-	-	12,000	Dis 2003	April 2004
• Container freight station	10,000	-	-	10,000	Dis 2003	Dis 2005
• Container stacking yard	10,000	-	-	10,000	Dis 2003	Mei 2004
Perolehan 5 bot tunda	71,000	(33,488)	(36,085)	34,915	Dis 2002	Feb 2004
Perbelanjaan Penyenaraian	11,000	-	(11,160)	(160)	-	-
Modal kerja	40,000	-	(40,000)	-	-	-
Jumlah	200,000	(38,400)	(92,157)	107,843		

Urusniaga berulang pihak berkaitan bagi jenis hasil

Pihak Berkaitan yang terlibat dalam Kumpulan ini ialah Menteri Kewangan (Diperbadankan), Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) dan Kerajaan Negeri Sarawak (Setiausaha Kewangan Negeri). Transaksi yang terlibat adalah urusniaga dalam keadaan biasa dan tidak menguntungkan pihak berkaitan berbanding dengan yang boleh didapati oleh pihak awam secara umumnya. Perkhidmatan yang diberikan atau barangan yang dibeli adalah berdasarkan harga tetap yang tidak boleh dirunding dan diterbitkan atau disebut harga secara umum dan semua terma utama termasuk harga atau caj dikenakan secara konsisten ke atas semua pelanggan atau kelas pelanggan. Syarikat telah memohon pengecualian daripada Bursa Saham Kuala Lumpur dalam hal urusniaga pihak berkaitan dan pengecualian tersebut telah diperolehi pada 8 Ogos 2002.

Yuran Bukan Audit

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002, Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad telah membuat pembayaran Yuran Bukan Audit sebanyak RM 55,600.00 kepada juruaudit luar berhubungan perkara-perkara berikut:-

Urusan Pencukaian Syarikat	RM 15,600.00
Penentusan Gaji Tahunan dan Bonus Tahunan	RM 40,000.00
Dibayar dari 1 Jan 1996 hingga 31 Disember 2001	

Kontrak Utama

Tiada kontrak utama yang dibuat oleh Syarikat dan subsidiarinya yang melibatkan kepentingan para Pengarah dan pemegang saham utama yang belum dilaksanakan pada penghujung tahun kewangan.

Pengenaan Hukuman/Penalti Terhadap Syarikat Dan Subsidiarinya Bagi Tahun Kewangan Berakhir pada 31 Disember 2002

Tiada sebarang hukuman dikenakan terhadap Syarikat dan subsidiarinya bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2002.

Perincian mengenai kehadiran mesyuarat yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2002

i. Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit

Bil.	Nama Pengarah	MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH		MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT	
		Bil. Mesyuarat yang Dihadiri	Jumlah Mesyuarat	Bil. Mesyuarat yang Dihadiri	Jumlah Mesyuarat
1.	Y. Bhg. Datuk Mohamed Adnan bin Ali	6	6	7	7
2.	Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Samsudin bin Hitam	5	6	-	-
3.	Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd Ali bin Hj. Yasin	5	6	-	-
4.	Capt. Awangku Abdul Malit @ Awangku Malyx bin Pengiran Mahran	6	6	-	-
5.	Encik Abdul Rahim bin Mokti	6	6	5	7
6.	Encik Subkey bin Abdul Wahab	6	6	7	7

ii. Mesyuarat Jawatankuasa Penamaan dan Jawatankuasa Ganjaran

Bil.	Nama Pengarah	MESYUARAT JAWATANKUASA PENAMAAN		MESYUARAT JAWATANKUASA GANJARAN	
		Bil. Mesyuarat yang Dihadiri	Jumlah Mesyuarat	Bil. Mesyuarat yang Dihadiri	Jumlah Mesyuarat
1.	Y. Bhg. Datuk Mohamed Adnan bin Ali	3	3	-	-
2.	Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Samsudin bin Hitam	-	-	-	-
3.	Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd Ali bin Hj. Yasin	-	-	2	2
4.	Capt. Awangku Abdul Malit @ Awangku Malyx bin Pengiran Mahran	-	-	-	-
5.	Encik Abdul Rahim bin Mokti	2	3	1	2
6.	Encik Subkey bin Abdul Wahab	3	3	2	2

BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD - Senarai Ganjaran Pengarah Bagi Tahun 2002

Bil.	Nama Pengarah	Gaji & lain-lain Emolumen (RM)	Elaun Mesyuarat Pengarah (*) (RM)	Yuran Pengarah (RM)	Jumlah (RM)
1.	Pengarah Eksekutif Capt. Awangku Abdul Malit @ Awangku Malyx bin Pengiran Mahran (#)	353,417.00	7,500.00	36,000.00	396,917.00
1.	Pengarah Bukan Eksekutif Y. Bhg. Datuk Mohamed Adnan bin Ali	-	8,500.00	60,000.00	68,500.00
2.	Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Samsudin bin Hitam (#)	-	6,500.00	60,000.00	66,500.00
3.	Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd Ali bin Hj. Yasin	-	2,900.00	18,000.00	20,900.00
4.	Encik Abdul Rahim bin Mokti	-	5,100.00	18,000.00	23,100.00
5.	Encik Subkey bin Abdul Wahab	-	6,500.00	18,000.00	24,500.00
Jumlah Keseluruhan:		353,417.00	37,000.00	210,000.00	600,417.00

(*) - Sila rujuk kepada jadual berkenaan Elaun-elaun Mesyuarat Pengarah

(#) - Termasuk Yuran Pengarah yang diterima dari syarikat subsidiari

BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD - Elaun Mesyuarat Lembaga Dan Jawatankuasanya Bagi Tahun 2002

Bil.	Nama Pengarah	Mesyuarat Lembaga Pengarah (RM)	Mesyuarat Jawatankuasa Audit (RM)	Mesyuarat Jawatankuasa Penamaan (RM)	Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran (RM)	Jumlah (RM)
1.	Pengarah Eksekutif Capt. Awangku Abdul Malit @ Awangku Malyx bin Pengiran Mahran (#)	7,500.00	-	-	-	7,500.00
1.	Pengarah Bukan Eksekutif Y. Bhg. Datuk Mohamed Adnan bin Ali	3,500.00	3,500.00	1,500.00	-	8,500.00
2.	Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Samsudin bin Hitam (#)	6,500.00	-	-	-	6,500.00
3.	Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd Ali bin Hj. Yasin	2,500.00	-	-	400.00	2,900.00
4.	Encik Abdul Rahim bin Mokti	3,500.00	1,000.00	400.00	200.00	5,100.00
5.	Encik Subkey bin Abdul Wahab	3,500.00	1,400.00	600.00	1,000.00	6,500.00
Jumlah Keseluruhan		27,000.00	5,900.00	2,500.00	1,600.00	37,000.00

(#) - Termasuk Elaun Mesyuarat yang diterima daripada syarikat subsidiari (BPSB)

Bilangan pengarah yang ganjarannya termasuk dalam lingkungan berikut:

Julat Ganjaran	Bilangan Pengarah	
	Eksekutif	Bukan Eksekutif
Kurang daripada RM50,000.00	-	3
RM50,001.00 to RM100,000.00	-	2
